

11 FEB 1998

Umno-Pertandingan (Fokus Berita)

PERTANDINGAN ATAU PERUNDINGAN, ANGGOTA UMNO BUAT TAFSIRAN

Oleh: Sobrey Jaafar dan Azman Hashim

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Walaupun mesyuarat agung tahunan cawangan-cawangan Umno mulai esok hingga 15 Mac tidak melibatkan pemilihan, para pengamat politik berpendapat ia tetap penting, mempunyai signifikan dan perlu diberi perhatian.

Ini kerana apabila lebih 2.6 juta anggota parti itu daripada 16,639 cawangan mula bermesyuarat, keputusan yang dibuat mereka akan memperlihatkan "mood" dan cara anggota Umno di peringkat akar umbi mentafsirkan kenyataan Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya mengelakkan pertandingan demi kepentingan parti.

Memang mesyuarat di peringkat cawangan itu tidak melibatkan pemilihan tetapi merekalah yang akan menjadi penentu sama ada persidangan perwakilan bahagian, yang menyusul dari 12 Mac hingga 29 Mac, akan menyaksikan pertandingan atau perundingan dalam menentukan kepemimpinan bahagian bagi tempoh selanjutnya.

Jika mereka mahukan perubahan kepemimpinan di peringkat bahagian, sudah tentu mereka akan mencalonkan individu-individu yang difikirkan layak untuk mengambil alih, sekali gus persidangan perwakilan bahagian terbabit akan menyaksikan peralihan (atau pengekal) kepemimpinan melalui proses pertandingan.

Bagaimanapun, jika mereka memilih untuk mendengar nasihat presiden, pelbagai cara boleh dilakukan untuk mengelakkan pertandingan, seperti membuat resolusi agar kepemimpinan yang ada dikekalkan.

Menurut penganalisis, jika diperhalusi kenyataan Dr Mahathir, adalah jelas pemimpin tertinggi Umno itu tidak pernah menghalang perubahan dilakukan di peringkat bahagian, kecuali Kelantan, tetapi ia hendaklah dilakukan secara baik, iaitu melalui proses perundingan dan bukannya perebutan.

Nasihat Dr Mahathir itu dipercayai berdasarkan pengalaman perebutan sengit pada peringkat bahagian yang dilihat pada tahun-tahun sebelum ini. Akibat persaingan yang terlalu sengit, perpecahan berlaku di kalangan anggota sementara politik wang berleluasa.

Bagi Kelantan, Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu, sudahpun membuat pengumuman bahawa Umno Kelantan bersetuju supaya jawatan Ketua Bahagian di negeri itu tidak dipertandingkan demi kepentingan parti.

Ini kerana Umno sangat-sangat memerlukan perpaduan di kalangan anggotanya di Kelantan untuk merampas kembali teraju pemerintahan.

Bagi negeri-negeri lain, kenyataan Dr Mahathir itu difahamkan sebagai bermaksud, jika anggota Umno berpendapat bahawa kepimpinan yang ada di peringkat bahagian perlu ditukar bagi menjamin parti terus mantap, mereka tidak semestinya perlu mencalonkan pencabar supaya menentang penyandang.

Sebaliknya, mereka boleh merencanakan peralihan kepimpinan dibuat secara perundingan melalui kuasa dan kebijaksanaan yang ada pada mereka, bukannya melayani sentimen berpuak-puak atau memikirkan kepentingan peribadi semata-mata.

Apa yang menarik, sejak Dr Mahathir membuat kenyataannya itu, pelbagai tafsiran sudahpun didengar mengenainya dan rata-rata anggota Umno beranggapan ia hanya merupakan nasihat dan bukannya arahan.

Tafsiran-tafsiran mereka itu menjadi lebih meyakinkan apabila Presiden Umno sendiri, ketika ditemui wartawan baru-baru ini, menjelaskan bahawa beliau hanya memberi nasihat supaya mengelakkan pertandingan demi

kepentingan parti tetapi jika anggota Umno tidak mahu mengikuti nasihatnya, beliau dan parti tidak boleh berbuat apa-apa.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, telah beberapa kali menjelaskan: "Kalau tidak mahu dengar nasihat Presiden, mahu dengar nasihat siapa lagi?"

Beliau sendiri secara peribadi berpendapat nada jawapan Dr Mahathir ketika ditanya pemberita baru-baru ini jelas menunjukkan Presiden Umno itu mahu anggota-anggota Umno mendengar nasihatnya demi kepentingan parti.

Bagi kepemimpinan Umno di peringkat negeri seperti Selangor, Sabah dan Perak, mereka telahpun membuat keputusan untuk menerima nasihat Dr Mahathir itu sebagai arahan tetapi sejauh mana keputusan itu akan dipatuhi oleh cawangan-cawangan dan bahagian belum diketahui.

Ada golongan pula berpendapat bahawa pertandingan perlu diadakan demi mengekalkan demokrasi dalam parti dan pada kes-kes tertentu, ia tidak dapat dielakkan kerana sudah sampai masanya sesetengah pemimpin parti di peringkat bahagian ditukar atas pelbagai alasan.

Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi berpendapat pertandingan perlu diadakan jika ada bahagian yang memerlukan perubahan pucuk pimpinan.

Pendirian Pemuda ditegaskan sekali lagi hari ini apabila Naib Ketuanya Datuk Hishamuddin Tun Hussein dipetik sebagai berkata pertandingan pada peringkat bahagian tidak akan membawa kepada perpecahan jika ia bertujuan menguatkan parti.

Menurut penganalisis, saranan melaksanakan pertukaran pucuk pimpinan bahagian secara perundingan adalah amat sukar dilakukan kerana sama ada pemimpin yang ada enggan berkompromi ataupun para penyokong masing-masing mahu menunjukkan kekuatan sehingga akhirnya menyebabkan pertandingan tidak dapat dielakkan.

Golongan ini mengakui bahawa hasrat pucuk pimpinan parti untuk mengelakkan perpecahan dengan mengelakkan pertandingan adalah sesuatu yang baik tetapi ia terlalu "ideal" sehingga sukar dilaksanakan secara hati terbuka manakala keikhlasan pula adalah jauh sekali.

Ia juga dilihat sebagai cara untuk menyembunyikan masalah yang tidak membawa kepada sebarang penyelesaian.

Usaha itu sebaliknya akan menyebabkan wujudnya "api dalam sekam" di kalangan anggota, terutama bahagian-bahagian yang dikatakan "perlu" perubahan kerana pucuk pimpinan sekarang tidak efektif lagi.

Walau apa pun, bermula esok perhatian pelbagai pihak yang kini tertumpu kepada masalah ekonomi negara pasti beralih seketika kepada mesyuarat agung tahunan cawangan-cawangan Umno di seluruh negara, yang keputusannya dijangka memberi petanda hala tuju sebenar para anggota Umno menjelang pemilihan yang lebih besar tahun hadapan. -- BERNAMA

SJA/AH SJ NMO